

**NO. SOALAN: 346**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**

**SOALAN :**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rakyat Sarawak yang telah menerima biasiswa. Senaraikan secara terperinci mengikut kaum, kursus yang ditawar, jenis biasiswa serta universiti (tempatan maupun luar negara). Juga nyatakan jumlah daripada segi keseluruhan negara.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah diberi dari tahun 2000 hingga tahun 2013 sebanyak 127,691. Pecahan daripada jumlah tersebut adalah seperti berikut:

- i. Seramai 102,912 orang adalah bumiputera dan 24,779 orang adalah bukan bumiputera.
- ii. Seramai 5,931 orang adalah berasal dari Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2010 hingga tahun 2014, Kerajaan telah memberi sebanyak 210 Biasiswa Nasional kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan SPM. Daripada jumlah tersebut, 88 orang (42%) adalah bumiputera dan 122 orang (58%) adalah bukan bumiputera

Bidang-bidang pengajian yang ditaja termasuklah bidang kritikal (perubatan, pergigian dan farmasi), bidang keutamaan (sains dan teknologi, kejuruteraan dan seni bina) dan bidang-bidang lain (sains sosial/sastera iktisas). Negara-negara pilihan bagi tujuan penajaan pelajar di luar negara seperti Australia, Amerika Syarikat, Jerman, Jepun, Korea, New Zealand dan United Kingdom.

Sekian. Terima kasih.